



## M E M O

### PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**RUJUKAN** : PLPKL/SA/10/82 ( 53 )

**TARIKH** : 6 Ogos 2010

<b>PERKARA</b> : ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL. 20/2010 PENGHARGAAN PEKERJA CEMERLANG BULANAN	
<b>DARIPADA</b> : Pengarah CIAST	<b>SALINAN KEPADA :</b> KP JPK TP PP TP PL
<b>KEPADA</b> : Semua Kakitangan CIAST	
<b>MELALUI</b> : KB / KP	

#### 1. TUJUAN

Memaklumkan berkaitan dengan pelaksanaan pemberian penghargaan bulanan kepada kakitangan cemerlang CIAST

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengurusan CIAST telah bersetuju untuk memberi penghargaan kepada pekerja cemerlang dalam majlis perhimpunan bulanan.
- 2.2 Program ini adalah sebagai penghargaan dan pengiktirafan pihak pengurusan kepada kakitangan yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang dan telah memberi sumbangan dalam menaikkan imej organisasi melalui pelbagai pencapaian dalam bidang/aktiviti yang dicerburinya.
- 2.3 Oleh yang demikian adalah perlu satu prosedur pemilihan kakitangan cemerlang berkenaan yang ingin diperakukan untuk menerima penghargaan bulanan.

#### 3. ARAHAN

##### Pecalunan Pegawai

- 3.1 Pecalunan hendaklah dibuat oleh Pegawai Penyelia (Pegawai Penilai Pertama LNPT) untuk mencalonkan kakitangan dibawah seliaannya yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang dan memberi sumbangan dalam menaikkan imej organisasi dalam tempoh bulan penilaian.

- 3.2 Antara kriteria utama penilaian adalah seperti berikut;
- a. Prestasi kerja cemerlang
  - b. Sumbangan inovasi dalam perkhidmatan
  - c. Kejayaan dalam pelbagai pertandingan
  - d. Sumbangan cemerlang dalam aktiviti sosial dan kebajikan
  - e. Penglibatan berkesan dalam aktiviti kemasyarakatan di luar waktu pejabat

Fakta sokongan hendaklah jelas dan sertakan dokumen sokongan jika berkaitan.


- 3.3 Pencilunan pegawai boleh dikemukakan dengan menggunakan borang CIAST KP27 kepada Pengarah selewat-lewatnya pada 3hb setiap bulan untuk penilaian bulan sebelumnya.
- 3.4 Ketua Bahagian/Program hendaklah menyelaras pencilunan yang difikirkan layak diperingkat bahagian/program supaya pencilunan dapat dikemukakan setiap bulan untuk pertimbangan.

#### **Pemilihan Penerima Penghargaan**

- 3.5 Pencilunan yang diperakukan akan ditimbangkan oleh satu Jawatankuasa Pemilih yang dilantik oleh Pengarah.
- 3.6 Keputusan Jawatankuasa Pemilih adalah muktamad.
- 3.7 Jawatankuasa Pemilih juga berhak untuk mencalonkan mana-mana pegawai untuk menerima Penghargaan Pengurusan dari semasa kesemasa.
- 3.8 Pemberian penghargaan bulanan tertakluk kepada adanya pegawai yang difikirkan layak oleh Jawatankuasa Pemilih untuk menerima penghargaan berkenaan.
- 3.9 Pegawai yang berjaya untuk menerima Penghargaan Bulanan akan diberi sijil penghargaan dan disampaikan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan CIAST.
- 3.10 Penerima penghargaan pengurusan akan dipaparkan pada Laman Web DAN Papan Kenyataan CIAST dan direkod dalam buku perkhidmatan pegawai berkenaan.
4. Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan peraturan diatas dipatuhi sepenuhnya.
5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi"***



(GHAZLAN BIN GHAZALI)

**PENCALONAN PENGIKTIRAFAN KAKITANGAN CIAST**

1.	Nama dan gred jawatan	
2.	Jawatan	
3.	Unit / Bahagian / Program	
4.	<p>Butiran sumbangan pegawai kepada organisasi. seperti;</p> <p>i. Prestasi kerja,                      ii. Inovasi,                      iii. Sukan,                      iv. Sosial                      v. Kebajikan</p> <p>Lampiran tambahan dan dokumen sokongan jika perlu.</p>	<p>..... Tarikh .....</p> <p>Tandatangan Pencadang dan cop :</p>
5.	Ulasan dan tandatangan Ketua Bahagian/Program	<p>..... Tarikh :.....</p> <p>( )</p>
6.	Keputusan Jawatankuasa Pemilih	<p>Lulus / Tolak /</p> <p>..... Tarikh :.....</p> <p>( )</p>